



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIPSI TEMUBUAL BERSAMA

**ENCIK MOHD SYAFIE BIN ABD LATIFF DAN ENCIK RIZAL BIN MD
MISROM, MENGENAI SEJARAH PERANG DUNIA KE-2 DI SEGAMAT
(KEDATANGAN JEPUN DI SEGAMAT)**

NURUL IZZAH INSYIRAH BINTI JOHARI

(2022930357)

MAISARA NAJWA BINTI AB HALIM

(2022758499)

SEMESTER MARCH - OGOS 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIPSI TEMUBUAL BERSAMA

**ENCIK MOHD SYAFIE BIN ABD LATIFF DAN ENCIK RIZAL BIN MD
MISROM, MENGENAI SEJARAH PERANG DUNIA KE-2 DI SEGAMAT
(KEDATANGAN JEPUN DI SEGAMAT)**

NURUL IZZAH INSYIRAH BINTI JOHARI

(2022930357)

MAISARA NAJWA BINTI AB HALIM

(2022758499)

KOLEJ PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK

SEMESTER MARCH - OGOS 2023

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|------------|
| ABSTRAK..... | iii |
| PENGHARGAAN..... | iv |
| ABREVIASI..... | v |
| RUJUKAN KATA..... | vi |
| 1.0 BIODATA PENEMUBUAL..... | 1 |
| 2.0 BIODATA TOKOH..... | 3 |
| 3.0 PENGENALAN..... | 5 |
| 3.1 PENDAHULUAN..... | 5 |
| 3.2 LATAR BELAKANG KAJIAN..... | 6 |
| 3.3 PERMASALAHAN KAJIAN..... | 6 |
| 3.4 OBJEKTIF KAJIAN..... | 7 |
| 3.5 PERSOALAN KAJIAN..... | 7 |
| 3.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN..... | 9 |
| 4.0 TINJAUAN LITERATUR..... | 10 |
| 5.0 TRANSKRIPSI TEMUBUAL..... | 13 |
| 6.0 LOG TEMUBUAL..... | 45 |
| 7.0 RALAT..... | 58 |
| 8.0 GLOSARI..... | 59 |
| 9.0 INDEKS..... | 62 |
| 10.0 BIBLIOGRAFI..... | 65 |
| 11.0 LAMPIRAN..... | 67 |
| 11.1 BIOGRAFI TOKOH..... | 67 |
| 11.2 SURAT KEPADA PENGKISAH..... | 68 |
| 11.3 SURAT PENGAKUAN PENERIMAAN SALINAN TRANSKRIP..... | 70 |
| 11.4 SENARAI SOALAN TEMUBUAL..... | 72 |
| 11.5 DIARI PENYELIDIKAN..... | 75 |
| 11.6 GAMBAR-GAMBAR BERKAITAN..... | 77 |

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk merekodkan segala bukti dan peristiwa sejarah yang melibatkan kedatangan Jepun di Segamat semasa Perang Dunia Kedua iaitu berlaku antara tahun 1940-1945. Kajian ini memfokuskan lokaliti tempatan yang menjadi saksi terhadap peristiwa tersebut seperti Jambatan Putus yang berada di Buloh Kasap, Segamat, Johor. Tujuan kajian ini menumpukan lokaliti setempat seperti Segamat adalah untuk memelihara dengan mendokumenkan segala kisah-kisah yang terjadi semasa pendudukan Jepun di Segamat ini. Kajian ini dilakukan secara temubual bersama pengkisah yang arif mengenai peristiwa berikut untuk merekodkan sumber lisan dengan cara formal. Hasil kajian mendapati pelbagai kisah yang menarik dan peristiwa yang dapat memberi informasi tambahan bagi mengembangkan pemahaman dengan menggambarkan suasana dan keadaan semasa penjajahan Jepun di Segamat. Konklusinya, kajian yang dijalankan dapat memberi sumbangan kepada sejarah negara dan mempertingkatkan pengetahuan masyarakat supaya masyarakat lebih menghargai sejarah dan sekaligus membantu dalam menjaga warisan budaya yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu untuk diperlihatkan bagi tatapan generasi muda yang akan datang.

Kata Kunci: Perang Dunia Kedua, Segamat, Jepun, Sumber Lisan, Sejarah

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang membantu untuk menyiapkan kajian sejarah ini. Kami mendapat peluang untuk meningkatkan kemahiran bertutur dan mememu ramah semasa menjalankan penyelidikan. Kami juga dapat mempelajari dan memahami peristiwa sejarah penting yang berlaku di kawasan setempat. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah kami, Puan Azura Binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman yang membantu memberi bimbingan untuk menyiapkan penyelidikan ini. Kami juga ingin menunjukan penghargaan ini kepada pengkisah kami iaitu Encik Mohd Syafie Bin Abd Latiff bersama Encik Rizal Bin Md Misrom atas segala kerjasama yang diberikan sebelum, semasa dan selepas wawancara dijalankan. Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang telah terlibat untuk menyelesaikan kajian lisan ini. Terima kasih.


ABREVIASI

| SINGKATAN | MAKSUD |
|------------------|-------------------------------------|
| JB | Johor Bahru |
| JMF | Johor Military Force |
| MPAJA | Malayan People's Anti-Japanese Army |
| NNMB | Negeri-Negeri Melayu Bersekutu |
| NNS | Negeri-Negeri Selat |


RUJUKAN KATA

| | |
|------------|-----------------|
| Bujang | Tidak berkahwin |
| Ceruk | Pendalaman |
| Dekat mana | Di mana |
| Je | Sahaja |
| Kelaut | Teruk |
| Kena | Ditimpa |
| Lembik | Lembut |
| Lepastu | Selepas itu |
| Macam | Begitu |
| Mengacau | Mengganggu |
| Pastu | Selepas itu |
| Senang | Mudah |
| Suka | Menyukai |
| Tak | Tidak |
| Takde | Tiada |
| Tapi | Tetapi |
| Usik | Mengganggu |

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

| PENEMUBUAL 1 | |
|---|--|
|  | |
| NAMA | Maisara Najwa Binti Ab Halim |
| ALAMAT | No.67 Kampung Mampas Kecil, Terachi 71500 Tanjong Ipoh, Negeri Sembilan, Malaysia |
| NO. TELEFON | 016-3687879 |
| EMEL | maisaranajwa01@gmail.com |
| PROGRAM | Pengurusan Rekod, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Matematik Universiti Teknologi Mara Kampus Segamat |

PENEMUBUAL 2



| | |
|--------------------|--|
| NAMA | Nurul Izzah Insyirah Binti Johari |
| ALAMAT | Lot 25, Jalan Tuan Syed Idrus Kampung Padang Rumbia, 26640, Pekan, Pahang, Malaysia |
| NO. TELEFON | 011-29230499 |
| EMEL | izzahinsyirahjohari@gmail.com |
| PROGRAM | Pengurusan Rekod, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Matematik Universiti Teknologi Mara Kampus Segamat |

2.0 BIODATA TOKOH

| TOKOH PENKISAH 1 | |
|---|---|
|  | |
| NAMA | Mohd Syafie Bin Abd Latiff |
| TARIKH LAHIR | 30 Januari 1977 |
| TEMPAT LAHIR | Segamat, Johor |
| ALAMAT | Lot 257A, Jalan Tasek Alai, Kg Tandong, Buloh Kasap, Segamat, Johor |
| NO. TELEFON | 012-9869147 |
| EMEL | msy300177.msal31@gmail.com |
| PROFESION | Pesara TUDM |
| BIDANG | Ketenteraan |

TOKOH PENGKISAH 2



| | |
|---------------------|--|
| NAMA | Rizal Bin Md Misrom |
| TARIKH LAHIR | 5 Jun 1973 |
| TEMPAT LAHIR | Johor |
| ALAMAT | 167, Blok 7, Felda Palong Timur 2,85100, Segamat,Johor |
| NO. TELEFON | 019-7958335 |
| EMEL | rizalmisrom@yahoo.com |
| PROFESION | Pekerja industri |
| BIDANG | Boilerman |

3.0 PENGENALAN

3.1 PENDAHULUAN

Sejarah lisan memberi banyak kebaikan kepada masyarakat dan negara. Menurut A. Adaby Darban (1997), sejarah lisan bermaksud sumber sejarah yang dilisankan oleh manusia yang menjadi saksi akan adanya peristiwa sejarah pada zamannya. Pengkisah harusnya mengetahui dengan mendalam dan mengikuti kejadian masa lampau yang diceritakan dengan penuh tanggungjawab ke atas kesahihannya. Namun begitu, sejarah yang diketahui oleh seseorang individu mungkin berakhir jika individu tersebut telah meninggal dunia tanpa ceritanya itu dikongsi bersama masyarakat. Hal ini dapat diatasi dengan melakukan wawancara bersama orang yang terdekat dengan individu tersebut. Contohnya, ahli keluarga dan sahabat karib. Berdasarkan pernyataan itu, jelaslah bahawa sejarah dan sejarah lisan saling berhubung dan melengkapi antara satu sama lain. Wawancara yang dijalankan dapat mengisi dan melengkapkan kekurangan maklumat yang didapati untuk sesuatu peristiwa sejarah.

Antara kepentingan sejarah lisan adalah untuk membawa sejarawan kepada sumber sejarah itu sendiri. Seow Han Lin (2020), menerangkan penggunaan sejarah lisan membolehkan para sejarawan mengkaji sejarah tersebut dengan lebih mendalam serta menjumpai tinggalan sejarah yang tersembunyi di kawasan tertentu. Perkara ini dapat dilakukan hanya dengan mendengar cerita yang diberitahu oleh penduduk tempatan yang disampaikan oleh generasi mereka terdahulu. Sejarah lisan juga dapat membantu sejarawan untuk membina semula peristiwa sejarah berikutan sumber yang terhad. Berdasarkan cerita yang didengari oleh rakyat tempatan, para sejarawan dapat mengetahui bagaimana bermulanya sesuatu peristiwa dan bagaimana keadaan semasa zaman itu berlaku.

Dengan demikianlah, sejarah lisan ini menjadi sumber yang penting dan diperlukan untuk penyelidikan dan penulisan sejarah. Hal ini kerana, generasi kini tidak pernah mengalami dan melalui zaman berlakunya peperangan, penjajahan serta perjuangan dalam menuntut kemerdekaan. Dengan adanya sumber-sumber begini, ianya dapat membantu dalam memberikan gambaran yang jelas mengenai sesuatu peristiwa untuk disampaikan kepada generasi akan datang.

3.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini dilakukan di kawasan Segamat, Johor. Hal ini kerana, beberapa kawasan di Segamat menjadi saksi dan bukti bahawa peristiwa Perang Dunia Kedua semasa pendudukan Jepun turut membabitkan daerah ini. Menurut Abdullah (2002), Jepun telah memulakan perang terhadap kuasa Barat pada 8 Disember 1941 dengan memulakan serangan terhadap Tanah Melayu di kawasan Pantai Timur. Pasukan yang diketuai oleh Lt. Jeneral Mtaguchi tiba di Kota Bahru, Kelantan, seterusnya di Terengganu, Pahang, Johor dan Singapura. Berdasarkan pernyataan ini, jelaslah bahawa, Johor turut terkesan dengan pendudukan Jepun semasa berlakunya Perang Dunia Kedua. Kajian ini berasaskan sumber lisan yang menceritakan gambaran peristiwa yang berlaku ketika kedatangan Jepun di daerah Segamat. Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk dijadikan bahan rujukan bagi generasi akan datang mengenai kedatangan Jepun semasa Perang Dunia Kedua di daerah Segamat, Johor. Rujukan ini dapat memberi informasi tambahan kepada bahan lain yang sedia ada supaya generasi baru boleh mengambil iktibar dan pengajaran daripada setiap peristiwa yang berlaku dan berusaha untuk memelihara segala tinggalan sejarah agar dapat dilihat dalam jangka masa yang lama.

3.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kedatangan dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu sekitar tahun 1941 sehingga 1945 telah menyebabkan beberapa peninggalan yang bersejarah terhasil daripada pelbagai peristiwa yang berlaku di sesetengah kawasan tertentu. Perang Dunia Kedua yang berlaku telah mewujudkan ratusan tapak bersejarah yang menjadi bukti kukuh bahawa telah berlakunya peperangan di kawasan tersebut. Bukti ini perlu dicatat agar peristiwa-peristiwa itu dijadikan pengetahuan am yang diketahui umum supaya generasi kini dapat pengajaran dan teladan untuk membina jati diri sebagai Bangsa Malaysia. Walaupun demikian, kawasan yang mempunyai nilai sejarah ini tidak mendapat perhatian yang sepatutnya diberi oleh pihak berwajib (Ahmad Mustakim Zulkifli, 2021). Tidak dapat disangkal lagi bahawa, masyarakat pada zaman ini kurang mengambil perhatian terhadap sejarah yang berlaku di negara walaupun kawasan itu hanya berdekatan dengan mereka. Malah generasi kini juga tidak mempunyai sifat ingin tahu terhadap peristiwa terdahulu dan hanya bersikap acuh tidak acuh tentang perkara yang berlaku di sekeliling mereka.

Meskipun, Segamat mempunyai beberapa tempat yang terkesan semasa berlakunya Perang Dunia Kedua semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu namun, kawasan-kawasan tersebut tidak diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Sebagai contoh, mercu tanda bersejarah yang diketahui oleh masyarakat setempat iaitu Jambatan Putus atau "*Broken Bridge*". Ianya turut dikenali sebagai Jambatan Buloh Kasap yang telah diletupkan oleh pihak British untuk menyekat kemaraan tentera Jepun. Menurut Badrul Kamal Zakaria (2016), semasa menemu bual seorang responden, responden itu menyatakan bahawa sejarah jambatan ini hanya didengari oleh cerita yang disampaikan oleh generasi lama sahaja dan mempunyai pengetahuan yang terhad mengenai keadaan sebenar jambatan ini sebelum diletupkan. Oleh sebab itu, sejarah jambatan ini boleh ditambahkan lagi dengan penulisan sejarah berdasarkan sumber lisan yang boleh didapati oleh penduduk setempat. Justeru itu, pendokumentasian mengenai sejarah berkaitan dengan jambatan ini perlulah dijalankan untuk dijadikan rujukan dan warisan bagi negeri Johor. Dengan cara ini, tinggalan sejarah dapat diketahui oleh generasi akan datang dengan lebih mendalam.

Oleh yang demikian, kajian ini amat diharapkan untuk dapat menjadi titik permulaan bagi memelihara sejarah yang terdapat di lokaliti Segamat. Ianya juga diharapkan dapat menarik perhatian pihak yang berwajib untuk giat menjalankan proses pemuliharaan yang sepatutnya terhadap sumber-sumber warisan ini. Hal ini supaya setiap tinggalan sejarah ini dapat dijaga untuk dipersembahkan dan diperlihatkan kepada generasi akan datang.

3.4 OBJEKTIF KAJIAN

- Untuk mengkaji sejarah kedatangan Jepun ke Segamat.
- Untuk merungkai corak pemerintahan Jepun di Segamat.
- Untuk mengetahui suasana dan keadaan penduduk sepanjang penjajahan Jepun di Segamat.

3.5 PERSOALAN KAJIAN

- Bagaimanakah Jepun memerintah semasa penjajahannya di Segamat?
- Bagaimanakah keadaan ekonomi masyarakat semasa kedatangan Jepun?
- Bagaimana keadaan dan suasana penduduk sepanjang keberadaan tentera Jepun di Segamat?

- Di manakah lokasi yang terlibat semasa berlaku pertempuran pihak British melawan Jepun?
- Adakah berlakunya konflik perkauman yang teruk di antara kaum Cina dan Melayu semasa pendudukan Jepun di Segamat?
- Adakah Jepun memberi sumbangan terhadap kesusasteraan Melayu semasa menyebarkan propaganda di dalam akhbar dan majalah tempatan?

3.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Seperti yang diketahui umum, pentadbiran Jepun bertujuan untuk menguasai kekayaan sumber semulajadi di Tanah Melayu dengan meletakkan pengaruh dan kawalan ke atas penduduknya. Dalam konteks penjajahan Jepun di Segamat, dapat dilihat terdapat pelbagai kepentingan kajian yang dapat dirungkai. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjelaskan sejarah pentadbiran dan mengkaji keadaan penduduk di Segamat, Johor semasa Jepun menjajah. Semasa penjajahan Jepun terdapat banyak dugaan dan cabaran yang ditempuhi rakyat tempatan untuk bertahan dan meneruskan kehidupan. Selain itu kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui corak pemerintahan Jepun di Segamat.

Sejarah penjajahan Jepun ke Segamat adalah penting untuk masyarakat dan generasi millennial pada masa kini supaya mereka memahami tentang impak penjajahan kepada ekonomi, masyarakat dan landskap politik di Segamat pada masa itu. Kajian ini dapat merungkai jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan masyarakat semasa pemerintahan Jepun. Selain itu dapat merungkai kesan peninggalan jajahan Jepun. Pasti terdapat pelbagai cara pemerintahan yang digunakan oleh Jepun ke atas masyarakat di Segamat semasa mereka menjajah. Kemampuan pengkisah untuk menceritakan keadaan semasa penjajahan Jepun di Segamat mampu merungkai lebih banyak cerita yang tidak dapat dijumpai di dalam internet. Hal ini kerana skop penceritaan tentang penjajahan Jepun di Segamat tidak begitu meluas apabila pencarian di internet dilakukan.

Seterusnya kajian ini juga dapat membantu persatuan sejarah untuk menambah informasi tentang penjajahan di Segamat kerana pada amnya pengetahuan ini tidak dapat direkodkan secara mendalam. Kajian yang dijalankan akan menarik minat pengkaji sejarah yang lain untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang penjajahan Jepun di Segamat. Ini dapat menambah pengetahuan umum sekaligus dapat membuka mata masyarakat tentang penjajahan Jepun dan kesan yang ditinggalkan terhadap lokaliti tempatan.

4.0 TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan Mohamed Ali Haniffa dan Ayu Nor Azilah Mohamad (2017), pendudukan dan pemerintahan Jepun di Tanah Melayu telah meninggalkan kesan yang negatif kepada hubungan kaum. Hal ini kerana, kaum Cina dilihat bersubahat dengan pihak Jepun namun begitu, sangkaan kaum Melayu meleset kerana pihak Jepun turut melakukan penindasan dan pembunuhan terhadap etnik itu. Manakala, kaum Melayu pula dituduh oleh kaum Cina bahawa mereka mendapat hak layanan istimewa oleh Jepun, namun begitu, etnik Melayu juga terlibat dengan seksaan semasa pemerintahan kuku besi oleh pihak Jepun. Oleh sebab itu, zaman pemerintahan Jepun telah dianggap sebagai zaman kegelapan bagi masyarakat pada zaman itu. Penyelidik ingin mengetahui adakah disebabkan konflik kaum yang berlaku terdahulu, telah menyebabkan keharmonian ke atas sistem sosial masyarakat di Segamat turut terjejas.

Bertitik tolak daripada pernyataan di atas, Mohamed Ali Haniffa (2017), turut menyatakan bahawa berlakunya konflik perkauman antara Cina-Melayu semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu lebih-lebih lagi di kawasan Batu Pahat, Johor. Tentera Jepun telah mengadakan rombongan untuk berkunjung ke kawasan pemimpin rakyat Tanah Melayu di peringkat akar umbi untuk mengucapkan terima kasih dan menaikkan kembali slogan "*Asia untuk orang Asia*". Penyelidik ingin mengetahui bahawa adakah daerah Segamat turut terlibat dengan konflik tersebut. Tambahan pula, dengan adanya pemikiran "*Pandang ke Timur*" yang telah dipenuhi di dalam akhbar dan majalah tempatan setelah berlakunya pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Menurut Iqbal et al. (2013), Jepun memainkan tugas sebagai model nasionalisme dalam proses memodenkan masyarakat Melayu. Rata-rata akhbar dan majalah yang dikeluarkan pada era itu, berupa propaganda oleh pihak Jepun sahaja. Namun begitu, dasar "*Pandang ke Timur*" yang dicanangkan itu semakin berkuasa apabila adanya konsep Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya yang menyumbang semangat perjuangan terhadap masyarakat Melayu untuk melawan kuasa Barat dalam bahan bacaan seperti akhbar dan majalah pada zaman itu. Penyelidik mendapati bahawa setiap propaganda yang disebarkan kepada rakyat tempatan sedikit sebanyak telah menyebabkan pelbagai reaksi yang bercampur-baur diterima oleh mereka semasa kedatangan Jepun ke Segamat.

Selain daripada itu, semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, telah berlakunya pertempuran yang diberi nama Kempen Malaya. Pertempuran ini dianggap sebagai satu kemusnahan terhadap pasukan British, India, Australia dan Malaya pada zaman itu kerana

pasukan tersebut perlu mempertahankan kawasan jajahan masing-masing. Kempen ini merupakan satu kempen ketenteraan di Malaya ketika Perang Dunia Kedua. Menurut Badrul Kamal Zakaria (2016), pertempuran Muar merupakan satu pertempuran yang terbesar ketika berlakunya kempen Malaya yang bermula di kawasan Segamat. Pada 23 Januari 1942, pertempuran ini telah tersebar dengan dahsyatnya di sepanjang laluan Muar-Air Hitam di Bakri, sebelum berakhir dengan pembunuhan berdarah tentera Australia seramai 145 orang berhampiran Jambatan Parit Sulong, Batu Pahat (Badrul Kamal Zakaria, 2016). Walau bagaimanapun, sisa-sisa pertempuran yang dapat dilihat sehingga masa kini tidak dipelihara dengan baik oleh pihak berkuasa. Hal ini menyebabkan peristiwa bersejarah ini semakin pudar dan dilupakan oleh generasi kini. Dengan demikiannya, penyelidik telah berjaya menyingkap bagaimana pertempuran tersebut berlaku serta kesan yang ditinggalkan terhadap lokasi dan penduduk setempat.

Dalam pada itu, dari segi ekonomi pula, Kassim Bin Thukiman (1994), menyatakan golongan pedagang asing yang berasal dari India, China, Arab serta Jepun telah menjadikan negeri Johor sebagai tempat untuk menjalankan kegiatan ekonomi seperti perlombongan dan perladangan. Hal ini kerana, negeri Johor yang berdekatan dengan Pelabuhan Singapura dilihat sebagai sebuah kawasan yang mempunyai kedudukan yang strategik dari segi geografinya. Perladangan getah oleh pihak Jepun berjaya mendatangkan keuntungan yang positif kepada aktiviti ekonomi di negeri ini. Namun begitu, aktiviti ekonomi ini dilihat mulai merosot apabila berlaku Perang China Jepun dan program Pensemakmuran Asia Timur Raya ketika Perang Dunia Kedua (Kassim Bin Thukiman, 1994). Oleh yang demikian, penyelidik telah mengetahui dengan lebih lanjut daripada pengetahuan pengkisah berkenaan kegiatan ekonomi penduduk Segamat semasa pemerintahan Jepun ketika Perang Dunia Kedua sedang berlangsung.

Menurut Shanthiah Rajagopal & Fernando (2017), Pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah menjadi titik tolak yang penting dalam sejarah Malaysia kerana dapat memperlihatkan kemunculan pelbagai gerakan nasionalisme di negara ini. Gerakan-gerakan ini telah membantu dalam mewakili dan membela nasib kaum seperti kaum India. Mohamed Ali Bin Haniffa (2016) menyatakan bahawa keseimbangan hubungan antara setiap kaum yang wujud dalam tanah air merupakan satu kunci yang penting untuk kekukuhan dan kestabilan ekonomi dan politik. Kepelbagaian kaum dalam komuniti di Malaysia adalah amat istimewa di mana tiada negara lain yang mempunyai tiga kaum utama di dalam negara mereka. Ini adalah hasil kedatangan imigran yang telah diterajui oleh galakan pihak British dan kesusahan hidup di negara asal

mereka. Perpaduan yang terhasil di dalam masyarakat adalah menjadi petunjuk bahawa komuniti di Malaysia telah melalui perkara yang menjadi isu penting dalam sejarah Malaysia. Hal ini dapat dilihat apabila berlakunya konflik Melayu-Cina di Johor telah bermula pada awal 1945 antara bulan Mac sampai ke bulan Ogos menurut Mohamed Ali Bin Haniffa (2016). Namun pun begitu, setiap konflik ini telah dapat di atasi oleh masyarakat kini yang semakin harmoni dan sentosa. Oleh yang demikian, penyelidik dapat mengetahui bahawa semasa peperangan berlaku rakyat-rakyat telah bersatu untuk membanteras kuasa asing yang mentadbir Tanah Melayu semasa berlakunya Perang Dunia Kedua di Segamat.

Secara keseluruhannya, pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah membangkitkan perjuangan untuk mencapai kemerdekaan di dalam masyarakat. Pendudukan Jepun juga telah menjadi titik balik dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu kerana pihak Jepun telah mengusir penjajah kolonial British dari negara, tetapi pada saat yang sama, mereka juga menciptakan situasi yang memperkuat gerakan kemerdekaan. Kelompok nasionalis Melayu dan Cina mulai bersatu untuk melawan pendudukan Jepun, dan semangat nasionalisme ini berkembang selama tempoh berikut. Pemahaman mengenai perjuangan kemerdekaan ini penting untuk menghargai perjuangan para pahlawan dan pemimpin yang berjuang dalam mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Tidak lupa juga, dengan mengetahui tentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah memberikan pelajaran berharga tentang penjajahan, perang, dan pengaruh kekuatan asing dalam sejarah suatu negara. Ini membantu masyarakat memahami bagaimana peristiwa masa lalu membentuk identiti dan perjalanan suatu bangsa iaitu bangsa Malaysia.

5.0 TRANSKRIPSI TEMUBUAL

MNA: Rakaman sejarah lisan ini diadakan pada tarikh 17 Jun 2023 di Buloh Kasap Segamat, Johor. Saya Maisara Najwa binti Ab Halim akan menemuramah pengkisah Encik Rizal bin Md Masrom. Saya Maisara Najwa binti Ab Halim akan menemuramah pengkisah Encik Rizal bin Md Misrom.

MNA: Bolehkah encik Rizal ceritakan sedikit tentang latar belakang diri Encik?

RMM: Saya Rizal bin Md Misrom, berumur lima puluh tahun, berasal dari Segamat, eh saya berasal dari Kulai, tapi disebabkan bapa saya pindah ke Segamat, jadi saya ikut bapa saya pindahlah masa bujang dulu sampai la sekarang ni.

MNA: Adakah Encik Rizal anak jati kampung di sini?

RMM: Bukan bukan saya berasal daripada Kulai, Johor. Cuma saya pindah ikut bapa saya masa pindah Felda, jadi saya menetap di sini pada tahun 1989 tak silap saya.

MNA: Adakah Encik Rizal menetap di lokaliti yang encik sebutkan tadi?

RMM: Sekarang ni saya tinggal di Felda Palong Timur, Segamat. Kerja di Negeri Sembilan. Jadi saya dah berkeluarga jadi masih lagi sampai sekarang menetap di Felda Palong Timur, Segamat.

MNA: Okey berapa lamakah Encik telah menetap di situ?

RMM: Sejak tahun 1998-2023 sampailah sekarang ni.

MNA: Okey soalan seterusnya, bagaimana Encik Rizal boleh berminat untuk mengumpul dan menyimpan fakta sejarah?

RMM: Minat sejarah ni daripada lama, memang dah lama minat, kemudian tambah lagi dengan ada – media sosial sekarang ni ini yang ada *facebook*, *Instagram* jadi boleh kenal dengan ramai kawan-kawan yang minat dengan sejarah ni. Jadi ada saya ada kawan dengan *team-team* [pasukan] *group-group* [kumpulan-kumpulan] sejarah yang lain macam sejarah persatuan sejarah Segamat, jadi daripada situ minat tu lagi dalam lagi lah untuk mengumpul, mencari tempat jadi sekarang ni saya sedikit sebanyak mencari tempat-tempat kesan sejarah pertempuran di kawasan Gemas, Segamat dan ada-ada tempat-tempat yang lain lah.

MNA: Okey, bagaimana Encik Rizal boleh mengetahui tentang sejarah kedatangan Jepun di Segamat?

RMM: Pertama sekali biasalah daripada buku sekolah lah kan jadi daripada situ minat tu memang ada tapi tak lebih lagi-lagi jadi bila bercampur dengan *group-group* [kumpulan-kumpulan] persatuan sejarah ni dan juga saya ada bercampur dengan kumpulan *Malaya Historical Group Society* [Persatuan Sejarah Malaysia] jadi minat tu lebih, lebih mendalam dan secara tak langsung kebetulan pertempuran ada tempat berdekatan dengan tempat saya tinggal, jadi minat tu lebih, lebih lagilah menjadinya. Dengan secara inisiatif sendiri saya beli alat pengesan logam, dan saya pergi ke kawasan-kawasan yang bekas pertempuran yang pernah berlaku di kawasan Segamat, Gemas jadi dapat juga sedikit artifak-artifak yang bekas peninggalan perang.

MNA: Okey, soalan seterusnya, adakah pengetahuan ini melalui pengalaman sendiri atau seperti Encik Rizal cakap tadi ada informasi yang dirujuk atau sumber yang dirujuk?

RMM: Kebanyakannya daripada informasi yang dapat diketahui dari kawan-kawan lah, yang dirujuk daripada kawan-kawan. Daripada situ, kalau daripada teks ni tak berapa banyak dapat yang kita tahu kan? Daripada daripada pencampuran...

dengan kumpulan-kumpulan ni kita lebih dapat banyak lagi informasi-informasi yang kita tak tau lagi dan daripada situ lah kita boleh buat dapat buat kajian, pastu buat pergi ke lapangan dan mencari apa sisa-sisa tinggalan perang.

MNA: Soalan kedua, bilakah tarikh kedatangan Jepun ke Segamat?

RMM: Sewaktu masa dalam kawasan aman, tempoh dia 1900-1941, jadi pada masa ni orang-orang Jepun datang ni dia datang sebagai pelombong peladang kan jadi saudagar, saudagar perniagaan tukang gunting dan jadi dia ni kebanyakan sebenarnya *spy* [perisik] yang mana orang-orang British ni tak tau lagi yang mereka ni *spy* [perisik] jadi daripada situ lah mereka ni dapat merisik orang-orang British yang berada di Tanah Melayu. Mereka ni sebenarnya *spy* [perisik] yang mana telah diarahkan oleh kerajaan mereka lah kerajaan tentera mereka untuk menyelidik keadaan bentuk rupa muka bumi Malaya pada masa tu untuk dihantar kepada perisik mereka yang berada di tanah Jepun. Jadi daripada situ mereka mendapat maklumat-maklumat keadaan Tanah Melayu, kedudukan rupa bumi Tanah Melayu sama ada boleh digunakan kereta kebal ataupun tidak, jadi sesuai untuk menggunakan basikal ataupun tidak untuk memudahkan mereka mara ke Tanah Melayu pada masa tu.

MNA: Soalan ke dua di manakah lokasi awal tentera Jepun semasa mereka sampai ke Segamat?

RMM: Semasa peperangan tahun 1941, pada waktu peperangan tu orang Jepun datang sebagai askar Jepun mereka mula memasuki di apa di Kota Bharu [Kelantan] mula masuk di Kota Bharu, dan terus merebak pergi ke selatan, sewaktu tempoh perang masa peperangan mula tentera Jepun masuk ke Tanah Melayu daripada tahun 1941, pada 8 Disember ianya telah masuk melalui Kota Bharu di Kelantan sana. Jadi apabila peperangan telah pun merebak, jadi pihak British mula kelam kabut lah jadi mereka pun tak sangka yang Jepun datang menyerang mereka di Kota Bharu, jadi bila perang mara, mara dan secara rasmi, Jepun mula masuk di Segamat merentasi Negeri Sembilan pada 16 Januari 1942.

Di mana 14 Januari tu pertempuran di Sungai Kelamah. Dikatakan jumlah kekuatan tentera Jepun yang memasuki Johor sebanyak lapan ribu orang.

MNA: Berapakah jumlah tentera Jepun yang memasuki Segamat pada peringkat awal?

RMM: Dikatakan jumlah kekuatan tentera jepun yang memasuki Johor tu dalam sekitar lapan ribu orang itu yang termasuk yang terbunuh lah.

MNA: Bagaimanakah cara pihak Jepun datang ke Segamat?

RMM: Tentera Jepun ni datang ke Segamat melalui jalan darat, iaitu mereka mara melalui jalan Seremban [Negeri Sembilan] - Segamat yang digelar, dikenali dengan laluan nombor satu persekutuan, jalan persekutuan. Ini jalan nombor -- jalan dari Bukit Kayu Hitam [Kedah] ke Johor Bahru [JB]. Jalan menyusup dan juga jalan menyusul dari Asahan [Segamat] iaitu jalan laluan estet keluar ke pekan Jementah [Segamat].

MNA: Apakah faktor yang menyebabkan kedatangan Jepun ke Segamat?

RMM: Sebab dia faktor yang penting utama ialah Jepun ni di perlukan jalan ni sebab jalan utama daripada utara ke selatan iaitu jalan nak pergi ke Singapura.

MNA: Siapakah yang menganggotai tentera Jepun semasa kedatangan mereka ke Segamat?

RMM: Tiada jawapan

MNA: Bagaimanakah reaksi penduduk tempatan semasa ketibaan pihak Jepun ke Segamat?

RMM: Pada peringkat permulaan, rakyat-rakyat yang berada di kawasan Segamat ni terutama penduduk Buloh Kasap mereka ni pun terperanjat jugalah dengan kedatangan Jepun ni. Pada peringkat mulanya mungkin mereka ni ada sedikit yang suka lah sebab Jepun datang ni untuk membebaskan mungkin untuk membebaskan mereka ni daripada cengkaman British.

MNA: Adakah penduduk setempat menerima baik ketibaan mereka?

RMM: Ya mungkin pada peringkat permulaan ya mungkin mereka menerima baik kedatangan Jepun ni sebab mereka ingat untuk boleh Jepun ni boleh usir lah yang British ni yang dah lama duduk bertapak dekat Tanah Melayu jadi mereka ingat mereka ni boleh mengharapkan pihak Jepun untuk mengusir pihak British ni.

MNA: Adakah tentera Jepun menyasarkan untuk menyerang penduduk?

RMM: Saya rasa tidak, dia lebih mengutamakan untuk menyerang askar-askar British sahaja sebab mereka hanya untuk mengusir pihak-pihak British.

MNA: Bagaimanakah Jepun melayan penduduk tempatan di Segamat?

RMM: Pada peringkat permulaan layanan tu mungkin agak, agak sama tapi untuk masyarakat Melayu lah, tapi bagi untuk masyarakat Cina, Jepun ni sedikit anti masyarakat Cina sebab masyarakat Cina di Tanah Melayu banyak menyokong apa nama bangsa mereka yang tertindas di tanah besar China semasa perang dengan Jepun lah pada masa tahun 30-an 1930. Jadi pihak Jepun di sini memang anti, anti sangat dengan masyarakat Cina yang ada di Tanah Melayu. Jadi perbezaan tu memang ada memang ketara. Bagi pihak Melayu mereka mungkin mereka dilayan dengan ada sedikit lebih baik dan bagi pihak Cina memang tiada kompromi lah...

kebanyakannya memang lebih kasarlah layanan terhadap masyarakat Cina di Tanah Melayu.

MNA: Boleh Encik Rizal beri sedikit contoh layanan yang diberikan pihak Jepun ke atas kaum Cina sewaktu itu?

RMM: Contoh macam setakat orang Melayu paling-paling tinggi kadang-kadang suruh panjat pokok, cerita orang tua-tua dulu lah. Panjat pokok ambik kelapa, bagi masyarakat Cina ni mungkin layanannya saya rasa lagi teruklah, kadang-kadang takde sebab apa pun mereka ni dipukul, kemudian kalau misal kata ada perkara-perkara yang lebih berat lagi bukan mungkinlah memang akan misal kata askar Jepun ini diserang ataupun dilakukan sesuatu yang tidak baik kan jadi orang-orang kampung ni kadang-kadang akan dikumpul di sesuatu tempat mereka akan terus dibunuh dengan tanpa usul periksalah. Jadi ini memang suatu tindakan yang kejamlah bagi pihak Jepun ke atas penduduk Cina di Tanah Melayu.

MNA: Adakah orang Melayu turut dilibatkan dalam pemerintahan ini?

RMM: Bagi orang Melayu untuk jawatan-jawatan rendah ya memang ada kebanyakan mereka diberikan jawatan-jawatan oleh askar Jepun yang mana untuk bagi tugas Am rendah lah tapi untuk peringkat tinggi ianya diketuai oleh askar-askar merekalah yang berpangkat askar yang berpangkat tinggi lah.

MNA: Soalan seterusnya apakah uniform tentera Jepun semasa mereka memerintah Segamat?

RMM: Bagi *uniform* [seragam] untuk peringkat bawahan askar tentera Jepun mereka menggunakan *kyuban*, *kyuban* ni kira baju untuk musim panaslah. Jadi selesa untuk mereka berada di Tanah Melayu ini. *Kyuban* ni baju dia lengan dia tiga setengah suku lengan dia jadi untuk peringkat bawahan mereka cuma dibekalkan dengan *ammunition* [peluru] yang mana yang terletak di pinggang lah...

di pinggang mereka dua di hadapan dan satu lagi kotak ammunisi berada di belakang kemudian satu binet dan juga selaras senapang *Arisaka type* [jenis] sembilan puluh lapan mereka juga akan memakai *puttees* iaitu kain yang dililit di bahagian kaki mereka dan juga dibekalkan dengan sama ada *sepatu* [kasut] ataupun satu lagi kasut yang dipanggil kasut *tabi* mereka juga akan dibekalkan dengan satu *helmet* [topi keledar] dan juga topi askar Jepun yang biasa mereka pakai itu yang bagi pihak British mereka menganggap topi yang berbentuk – yang berkuncup berbentuk – pada bahagian atas dia tu. Dan juga bagi yang untuk mengelakkan panas melampau di Malaya ni, topi mereka ni akan diletakkan kain di tepi bahagian telinga mereka lah untuk mengelakkan panas. Bagi pihak pegawai pula mereka akan menggunakan pedang sama ada pedang yang diberikan atau dibekalkan oleh pihak tentera ataupun mereka membawa sendiri pedang yang dibekalkan oleh keluarga-keluarga mereka yakni pedang turun temurun lah untuk dibawa kepada askar, tentera, pegawai ni. Jadi peralatan mereka ni berbeza daripada peringkat bawahan.

MNA: Jadi peralatan yang mereka bawa adalah senapang, pedang dan ada peralatan lain ke yang dibawa?

RMM: Bagi askar — dia bergantung kepada unit, sekiranya mereka unit infantri mereka cuma dibekalkan senapang dan juga *mortar* [pelancar bom tangan] kecil sahaja iaitu diletakkan pada atas lutut mereka. Tapi sekiranya mereka ni — di bahagian artileri mereka akan membawa meriam mereka lah sama ada *mortar* [pelancar bom tangan] ataupun meriam kecil mereka.

MNA: Apakah motif Jepun mencederakan dan mengganggu penduduk Cina?

RMM: Masa pendudukan Jepun ni rakyat-rakyat Cina yang berada di tanah Melayu ni mereka membuat satu gerakan iaitu gerakan (MPAJA) iaitu gerakan melawan Jepun lah. Dengan cara berkonsepkan *gerila* (Gerakan Anti Jepun) jadi bila mereka melakukan gerakan-gerakan ni yang mengganggu tentera Jepun ni, pihak Jepun ni marah la jadi untuk menghentikan tindakan-tindakan pihak *gerila* ni...

mereka melakukan ya lah macam membunuh penduduk-penduduk yang tak berdosa bagi kalangan-kalangan orang Cina ni. Jadi mungkin dengan cara itu mungkin pihak Jepun fikir dengan cara membunuh rakyat-rakyat yang tak bersalah ni pihak gerakan ni akan menghentikan sabotaj mereka ke atas tentera Jepun ni.

MNA: Adakah bekalan makanan penduduk juga turut dirampas?

RMM: Sudah semestinya semasa pemerintahan Jepun ni jangan kata makanan apa yang penduduk ada di kawasan lapangan di kebun-kebun pun mereka akan ambil dan tinggalkan yang tak berapa elok kepada masyarakat-masyarakat yang ada pada masa tu lah. Mereka tak kira lah sama ada Melayu ke Cina, ke India ke mereka akan lakukan perkara yang sama ke atas mereka semua.

MNA: Jadi makanan yang mereka ambil tu mereka rampas secara keseluruhan dan tidak meninggalkan apa-apa langsung ke atau macam mana?

RMM: Kalau ikut secara *total* [jumlah] senang cakap secara keseluruhannya lah. Pasal orang-orang kampung nak makan pun kadang-kadang tulah orang orang kampung dahulu selalu cakap sampai makan ubi, jadi nak cakap beras pun boleh katakan kebanyakannya askar Jepun ni dah rampas. Jadi untuk mereka memiliki tu memang sangat susah lah pada masa tu.

MNA: Bagaimanakah penduduk setempat meneruskan kelangsungan hidup ketika bekalan mereka disekat?

RMM: Pada masa tu mereka kebanyakannya ni penduduk-penduduk tempatan lari ke dalam hutan untuk mengelakkan mereka ni daripada dijumpai oleh askar-askar Jepun lah. Kebanyakan penduduk banyak lari ke dalam hutan dan buat kebun mereka sendiri. Sebab kalau di kampung, Jepun ni orang dulu cakap banyak yang mengacau sama ada daripada usik makanan ke dengan usik anak dara itu memanglah banyak orang kampung dulu ceritakan kan banyak yang mengacau.

Jadi sebab itu banyak kebanyakan penduduk kampung banyak lari ke dalam hutan buat-buat kebun mereka sendiri, tanaman mereka sendiri, untuk meneruskan kelangsungan kehidupan mereka.

MNA: Soalan seterusnya lokasi pertempuran jepun melawan British melawan orang tempatan, boleh Encik Rizal beritahu apakah nama pertempuran yang berlaku?

RMM: Okey pertempuran ni dinamakan pertempuran Battle of Muar [pertempuran Muar]. Jadi pertempuran ini bermula di Sungai Kelamah [Gemenchek] iaitu pada 14 Januari 1942. Jadi pertempuran tu bermula di Sungai Kelamah. Yang mana selepas jambatan Sungai Kelamah tu diletupkan jadi askar British ni dengan Australia ni berundur lah berundur-berundur sampai ke Gemas. Jadi Gemas ni jatuh pada 16 Januari jadi berundur-berundur sampai di Buloh Kasap ni iaitu 20 Januari, jambatan di sungai Buloh Kasap dan juga jambatan keretapi Buloh Kasap ni diletupkan disebabkan mereka askar British dia bimbang sebab pada 20 Januari tersebut pihak Jepun telah pun melepasi bandar Muar jadi mereka takut mereka akan terkepung oleh Jepun di Air Hitam ataupun di belah selatan. Jadi yang mana berada di Segamat ni semua berundur lah. Cepat, cepat mereka berundur untuk mengosongkan kawasan Segamat ni. Jadi sebelum mereka berundur ni jambatan sungai Segamat dan jambatan keretapi Segamat semua diletupkan bagi mengelakkan pergerakan tentera Jepun ni.

MNA: Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya pertempuran?

RMM: Seperti saya katakan tadi, faktor utama dia adalah untuk menawan laluan utama untuk tentera Jepun ni bergerak daripada utara ke selatan. Jadi mereka perlukan jalan ini untuk mereka mudah membawa bekalan-bekalan keperluan senjata mereka untuk bergerak ke bahagian selatan. Masalah utama pihak jepun ni apabila pihak Berikat ni telah meletupkan kebanyakan jambatan di kawasan Tanah Melayu ni. Jadi ia satu sebab mereka amat terdesak untuk mara dengan lebih cepat, untuk memastikan kalau boleh sebelum pihak British letupkan...

jambatan mereka nak tawan kawasan-kawasan bandar yang mana mereka cuba serang ni. Tapi kebanyakan mereka gagal selamatkan jambatan-jambatan yang mereka nak tawan ni lah kebanyakan tak sempat nak tawan dah pecah diletupkan.

MNA: Siapakah yang terlibat dalam pertempuran ini?

RMM: Bagi pihak Berikat kebiasaannya askar-askar Komanwel lah yang terdiri daripada British, askar Australia askar bantuan, maksudnya askar sukarela Melayu askar yang terdiri daripada anak-anak orang Melayu kemudian rejimen askar Melayu, askar Punjabi, Scottish mereka ni daripada pihak Berikat, manakala -- pula Jepun sendirilah mereka juga membawa askar-askar yang daripada Korea, untuk membantu mereka mara ke Tanah Melayu ni.

MNA: Rakaman sejarah lisan ini diadakan pada tarikh 17 Jun 2023 di Buloh Kasap Segamat, Johor. Saya Maisara Najwa binti Ab Halim akan menemuramah pengkisah Encik Syafie bin Abdul Latif.

MNA: Soalan saya bilakah pertempuran ini berlaku di Segamat?

MSA: Pertempuran mula berlaku di Segamat khususnya di pekan Buloh Kasap sekitar jambatan putus berlaku pada 17 Januari 1942 dalam jam 5 petang, mengikut bacaan saya.

MNA: Di manakah lokasi yang terlibat semasa berlaku pertempuran pihak British melawan Jepun?

MSA: Lokasi pertempuran berlaku di sekitar jambatan putus Buloh Kasap dan di tapak sekolah Dato' Bentara Dalam serta Kampung Sedeng [Segamat, Johor]. Itu berlaku pertempuran itu dalam daerah segamat. Lain-lain pertempuran berlaku di Muar [Johor] dan Batu Pahat [Johor]. Itu difahamkan bahawa pertempuran *Battle...*

of Muar atau pertempuran Muar ni bermula daripada pertempuran di tebing sungai Gemenceh iaitu berdekatan pada Sungai Kelamah pada 14 Januari 1942 dan berakhir 22 Januari 1942 iaitu Parit Sulong sudah berada dalam daerah Batu Pahat.

MNA: Soalan seterusnya adakah ramai orang tempatan yang terkorban akibat pertempuran yang berlaku?

MSA: Pertempuran berlaku memang makan nyawa, jadi berapa jumlah terkorban saya tak tahu tapi kita boleh lihat kesan-kesan pertempuran di Segamat yang boleh kita lihat seperti yang saya katakan jambatan putus Buloh Kasap yang masih ada, kesan tembakan pada dinding pekan Buloh Kasap dan satu lagi dekat tepi sungai Segamat ada satu rumah kedai yang telah dibom oleh tentera Jepun yang bukan sengaja digugurkan bom daripada kapal terbang mereka *target* [sasaran] balai polis tapi tersasar di situ yang menyebabkan kematian satu keluarga. Bangunan kedai tersebut sebenarnya sederet dan bangunan kedai tu sampai sekarang masih tak didirikan apa-apa, masih berbentuk sebegitu sampai sekarang. Lokasi bangunan kedai tu adalah bangunan kedai lama di tepi sungai Segamat bersebelahan balai polis Segamat.

MNA: Berapakah jumlah tentera Jepun yang terkorban?

MSA: Segamat saya tidak pasti – tapi permulaan pertempuran di sungai Gemenceh dikatakan hampir seribu anggota tentera Jepun terbunuh dalam satu serangan hendap yang dilakukan oleh ___ dua ke tiga puluh tentera Australia. Jadi di bawah Segamat tu kita tak berapa pasti lah dikatakan. Tapi dikatakan jumlah pertempuran Muar keseluruhan, kematian pihak Berikat lebih ramai daripada tentera Jepun.

MNA: Jadi semasa pertempuran apakah jenis teknologi yang digunakan oleh tentera Jepun?

MSA: Teknologi yang digunakan oleh tentera Jepun rasanya samalah dengan pihak Berikat tidaklah terlalu maju, seperti penggunaan senjata-senjata seperti kereta kebal *tank* [kereta kebal], kita katakan lebih kurang dengan pihak Berikat. Cuma tentera Jepun mempunyai kelebihan pesawat pejuang dia yang lebih handal daripada pesawat pejuang pihak berikat, pihak Berikat tidak menguasai ruang udara Tanah Melayu berbanding tentera Jepun, selain daripada itu teknologi yang ada mereka mampu..kedua-dua belah pihak mempunyai peperangan elektronik yang tersendiri, cuma saya tidak pasti pihak Berikat atau pihak Jepun mempunyai kelebihan peperangan elektronik ini. Maksud peperangan elektronik ini adalah mereka macam mana mereka memintas radio pihak musuh, ataupun mereka menkucar kacirkan radio pihak musuh. Lebih kurang begitulah, tapi nampak lihatnya kelebihan lebih tentera Jepun dari pihak Berikat sendiri.

MNA: Apakah jenis kenderaan digunakan tentera Jepun semasa pertempuran?

MSA: Di dalam penguasaan darat, tentera Jepun mempunyai kereta kebal ringan. Ada tiga jenis kereta kebal ringan yang mereka gunakan berbanding dengan pihak Berikat, mereka tidak ada langsung menggunakan kereta kebal. Mereka ada *bren gun carrier* iaitu [kereta perisai ringan] yang dilengkapi dengan *bren gun* [kereta perisai ringan] dan kereta perisai buatan India yang saya pun lupa namanya. Kedua-dua kereta perisai ni bukan tandingan dengan kereta kebal Jepun. Dan takde gunanya penggunaan kereta perisai untuk menentang tentera Jepun sebab... Okey itu teknologi kereta kebal memang tiada pada tentera British jadi itulah kelemahan utama tentera British lain lain seperti meriam senjata api ringan, senjata api tu mereka sama dengan Jepun. Kelebihan Jepun adalah tentera mereka adalah pasukan, anggota yang berpengalaman dalam peperangan. Mereka datang daripada peperangan di China dan di Vietnam. Berbanding anggota tentera di Tanah Melayu, di mana askar yang terlatih seperti askar Melayu, yang kekuatannya pun tidak sampai dua ribu orang, serta askar...

Australia yang begitu terlatih dalam pertempuran hutan. Jadi dalam keseluruhan pertempuran Tanah Melayu yang begitu nampak menunjuk kecemerlangan dalam pertempuran adalah askar Australia dan askar Melayu sendiri. Askar Australia menunjukkan kecemerlangan mereka dalam pertempuran semasa pertempuran Muar di mana mereka mampu bertempur menentang Jepun secara *Hand by Hand* [Tangan-ke-Tangan] iaitu pertempuran *Bennet*. Di mana pertempuran *Bennet* adalah kelebihan bagi tentera Jepun. Tentera British India pula didatangkan memang tidak cukup latihan, memang menyedihkan prestasi mereka ditunjukkan lah. Lain-lain tentera Inggeris yang datang pula, walaupun mereka terlatih tetapi mereka tidak terlatih dalam pertempuran hutan dan cuaca tropika di sini.

MNA: Apakah jenis pakaian yang dipakai oleh tentera Jepun?

MSA: Tentera Jepun berpakaian dalam pertempuran Tanah Melayu seperti yang saya pakai ni (menunjukkan baju yang dipakai) yang dipanggil *Jyuban type* [jenis] tiga puluh lapan iaitu pakaian *pattern* [corak] ni dibuat pada tahun 1938 untuk kesesuaian peperangan di iklim tropika. Seperti yang saya pakai ni baju *cotton* [kapas] yang mempunyai lubang udara untuk menghindar kepanasan. Seluar yang tebal untuk masuk ke dalam hutan bolehlah kena onak duri tak melukakan peha dan betis. Kasut dan *Puttees*. Kadang-kadang mereka pun pakai pun tak tentu jugak, kadang-kadang pakai baju pagoda je bertempur. Itu sahaja lah.

MNA: Kisah jambatan putus pula. Apakah tujuan asal pembinaan jambatan putus di Segamat?

MSA: Jambatan putus Buloh Kasap ini dibina oleh kerajaan Negeri Johor melalui Public Work Department [Jabatan Kerja Raya] dengan menggunakan duit kerajaan Johor dan kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersatu (sic, Negeri-negeri Melayu Bersekutu). Ia adalah satu jabatan dalam rangkaian laluan nombor satu persekutuan yang daripada Johor Bahru ke Bukit Kayu Hitam. Jambatan ni dibina 1925 tak silap saya dan siap pada 1927. Jambatan ni menjadi ikonik sebab berlaku pertempuran yang pertempuran Jepun di sini. Di samping itu juga jangan...

lupakan jambatan putus di Gemas jugak, di mana tapi sana tidak berlaku pertempuran yang hebatlah. Tapi jambatan putus Gemas juga terletak di dua negeri. Satu negeri Johor dan satu lagi Negeri Sembilan sebab sungai tu sebagai sempadan.

MNA: Bagaimanakah keadaan jambatan sebelum diletupkan?

MSA: Keadaan jambatan sebelum diletupkan, jambatan ni sepenuhnya konkrit kalau kita tengok sekarang ni pun dia dah separuh hilang, sepenuhnya konkrit apabila pihak British pihak Berikat meletupkan dia pada 17 Januari 1942 tentera Jepun Berjaya menguasai jambatan ini dan pihak Berikat berjaya berundur ke Segamat dalam masa 24 jam. Jurutera tentera Jepun telah berjaya menyiapkan jambatan sementara menyambung bahagian yang putus tu dengan kayu yang mereka dah bawa siap-siap yang mana mereka rampas daripada kilang-kilang papan kilang kayu balak yang ada di sepanjang jalan, jalan utara ke selatan ni. Jadi mereka mampu menyiapkan jambatan tersebut dalam masa yang singkat. Sebelum untuk mereka siapkan laluan untuk kenderaan, mereka siapkan laluan untuk pasukan tentera pejalan kaki di bawah di mana mereka boleh melintas dengan berjalan kaki dan berbasikal sebelum mereka siapkan untuk atas di mana jambatan yang mereka buat tu walaupun tidak sempurna rupanya tapi boleh dilalui oleh kenderaan berat seperti kereta kebal ringan dan lori.

MNA: Apakah cara yang digunakan untuk meletupkan jambatan ini?

MSA: Pihak yang bertanggungjawab meletupkan jambatan ini adalah pihak jurutera tentera British yang kita kenali sebagai *sappel*. Bukan jambatan putus ni sahaja yang diletupkan, jambatan kereta api Buloh Kasap juga mereka letupkan dalam kaedah yang sama. Mereka letupkan menggunakan bahan peledak yang ditanam yang dikorek dalam konkrit di *drill* [gerudi] pada bahagian-bahagian sambungan bagi memudahkan bahagian dijatuhkan di dalam sungai. Dan apabila Jepun dapat mara ataupun tidak dapat mara, mereka boleh pilih *option* [pilihan] meletupkan atau tidak meletupkan. Jadi bila mereka tengok Jepun datang ...

dalam keadaan yang tidak berhenti dan laporan pun terdapat kereta kebal sudah mara, jadi pihak Berikat mengambil keputusan untuk meletupkan terus jambatan supaya kereta kebal tidak dapat mara dengan pantas lah. Berbanding dengan askar *infantri*, askar *infantri* memang dia boleh datang sahaja.

MNA: Seterusnya keadaan sosial masyarakat di zaman Jepun, bagaimanakah penduduk ingin mendapatkan berita tentang keadaan semasa?

MSA: Keadaan sosial masyarakat pada zaman Jepun tidak lah seperti sekarang, kita boleh bersembang bertelefon, *whatssap*, ke atau lepak kedai kopi sembang-sembang gitu. Jadi untuk masyarakat pada waktu itu, dengan ekonomi yang teruk, mereka mampu bersosial semasa aktiviti pertanian bersama. Selalunya aktiviti pertanian bersama mereka bersawah, menanam padi atau tanam ubi dalam satu kawasan yang luas sebagai sumber makanan, pada waktu itu Jepun menggalakkan tanaman-tanaman makanan di kampung-kampung. Jadi pada waktu ni berita disampaikan secara lisan dari mulut ke mulut. Surat khabar yang ada pun adalah surat khabar propaganda Jepun kalau ada pun siapa nak beli, duit pun tiada nak beli. Radio dilarang sama sekali. Jadi apa selain aktiviti di ladang, mereka bertemu di surau, surau masih aktif lagi ada orang sembahyang berjemaah lah. Tapi walau macam mana pun nak bercakap tu berhati-hati lah sebab orang kata dinding pun boleh mendengar dinding boleh mendengar lantai pun boleh mendengar pintu boleh mendengar. Jadi perbualan mereka tu amat terhad. Nak bercakap pun kalau nak bercakap apa-apa mengenai Jepun mereka bercakap di tempat yang sulit lah.

MNA: Seterusnya soalan tentang Jepun meninggalkan Segamat. Jadi bilakah tahun ataupun tarikh Jepun meninggalkan Segamat?

MSA: Tarikh tepat Jepun meninggalkan Segamat saya tak dapat, tapi kalau ikut rentetan dia kita agak macam ni lah, Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945 pada 2 September 1945 upacara menyerah kalah rasmi negara Jepun dilakukan di atas kapal *USS Missouri* di teluk Tokyo, oleh kerajaan Jepun dengan pihak...

Berikat di mana Amerika, British, China, Solveit Union semua ada Jepun didatangi dengan semua negara-negara terlibat tersebut. Pada 9 September 1945 tentera British India mendarat di pantai Morib sebagai persediaan mengambil alih penguasaan Tanah Melayu dari Jepun. Pendaratan tu adalah secara aman, di mana tidak ada tentangan daripada tentera Jepun kerana Jepun telah menyerah kalah Jepun semua sudah berundur ke bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru. Jadi pada 19 September tu Jepun mula berundur ke bandar-bandar utama selepas mendapat nasihat daripada pihak Berikat supaya mereka berundur ke satu tempat. Dalam masa yang tempoh tu jugak Jepun daripada 15 Ogos lepas tarikh mereka mengisytihar menyerah kalah, Jepun tidak meninggalkan bandar-bandar tersebut sebab mereka tahu ancaman ancaman komunis memang ada. Jadi bila tempoh september tu mereka berkumpul di bandar-bandar utama menanti pihak berikat datang, tak pasti adakah ada berlaku serangan daripada pihak komunis. Yang kita tahu serangan pihak komunis terhadap orang awam di Batu Pahat dengan Perak.

MNA: Berkaitan dengan kesan peperangan yang ditinggalkan yang encik Syafie sebut tadi, apakah kegunaan mercu tanda itu pada masa kini?

MSA: Ada mercu tanda yang ditinggalkan oleh tentera Jepun, atau yang dibuat oleh tentera Jepun, ada mercu tanda yang memang sedia ada. Tapi masalahnya dari pihak kerajaan sendiri pun mereka pun tidak macam lepas batok di tangga mereka buat lepas tu tinggal takde maintenance [penyelenggaraan]. Ya betul saya faham kenapa kalau kita nak buat maintenance peruntukan kewangan tu banyak lah kan. Jadi mesti mengharapkan daripada komuniti masyarakat setempat, jadi masyarakat setempat pun tidak membantu langsung semua harapkan kerajaan bagi duit je. Itulah masalahnya jadi yang mana tersisa ni kita tengok la seperti jambatan putus ni pun adalah usaha sikit daripada kerajaan tempatan buat tugu dia kan itu pun dah balik bersemak, berulat. Lepastu dan ada yang di preserved [dipelihara] ataupun dijaga tidak sengaja seperti kesan tembakan pada dinding kedai pekan Buloh Kasap dan kesan pengeboman pada rumah kedai di Segamat. Itu antara yang dijaga secara tidak sengaja. Namun ada yang kerajaan buat kan tu ada yang dimusnahkan oleh masyarakat setempat sendiri lah seperti tugu...

peringatan pertempuran Parit Sulong, dia punya papan tanda pun hilang kena curi dengan pencuri besi, takde kita pun tak tahu dekat mana tapak dia. Dekat Kampar __ lagi satu tugu yang dinaikkan oleh tentera Jepun sendiri dekat Pantai __ pun takde dimusnahkan sama ada dimusnahkan oleh kerajaan terdahulu atau dimusnahkan oleh masyarakat tempatan. Baru-baru ni tak silap saya dalam tahun lepas ada kerajaan Kedah menaikkan tugu peringatan pertempuran tentera Jepun di satu jambatan yang dipinggir sungai Kedah, itu pun menjadi isu hangat masyarakat setempat lah. Jadi saya anggap daripada kerajaan sendiri kalau menghargai pun masyarakat tak menghargai pun nak buat macam mana kan. Itulah masyarakat Malaysia ni penuh dengan emosi dan sentimen kalau pasal sejarah. Bila diorang belajar sejarah pun sentimen, kalau Komunis tu Cina kalau Cina tu Komunis macam tu lah contohnya itu lah dia.

MNA: Sekian sahaja temubual pengkisahan tentang sejarah kedatangan Jepun ke Segamat Perang Dunia ke Dua Bersama Encik Syafie. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Syafie atas kerjasama yang diberikan sepanjang wawancara dijalankan.

NII: Sejarah lisan ini diadakan pada tarikh 17 Jun 2023 di Buloh Kasap, Segamat, Johor. Saya Nurul Izzah Insyirah Binti Johari akan menemu ramah pengkisah Encik Syafie Bin Ab Latiff.

NII: Bolehkah Encik Syafie ceritakan sedikit mengenai latar belakang diri encik?

MSA: Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, saya bernama Mohd Syafie Bin Ab Latiff berusia empat puluh enam tahun dilahirkan di Segamat Johor dan bekerja sebagai tukang masak bagi __tera Kem Regimen Empat Artileri Diraja Kem Segamat. Sebelum saya menjadi seorang tukang masak saya adalah seorang pesara Tentera Udara Diraja Malaysia yang...

berkhidmat selama dua puluh dua tahun. *Last* [kali terakhir] perkhidmatan saya adalah pada tahun 2019.

NII: Adakah Encik Syafie merupakan anak jati Kampung Buloh Kasap dan berapa lama encik telah menetap di lokaliti ini?

MS: Saya, yang saya ketahui lah saya memang apa anak jati Segamat dan memang orang tua saya dari Buloh Kasap [Segamat, Johor] juga. Saya kata kan saya berani kata sebab saya anak jati Segamat sebab saya adalah generasi keenam daripada moyang saya iaitu Canggih, apa moyang Canggih nama dia yang datang bersama Tok Tenang [Haji Kamarul Arifin Bin Alaudin @ Bahauddin] membuka penempatan di Kampung Tenang, Labis, Johor lebih kurang pada tahun 1797. Saya adalah generasi keenam daripada salasilah apa keturunan dan untuk pengetahuan tambahan, salasilah keturunan saya dah masuk generasi kesepuluh dan saya dikira orang tua dalam generasi ini lah sebab dah ada cicit dah sekarang.

NII: Bagaimana Encik Syafie boleh berminat untuk mengumpul dan menyimpan fakta sejarah?

MSA: Saya berminat dengan sejarah daripada sekolah lagi iaitu semenjak dari sekolah menengah di mana matapelajaran saya yang paling saya *score* [mahir] adalah sejarah berbanding matapelajaran lain. Matapelajaran lain kebanyakan itu kelaut. Jadi daripada situ minat saya hingga sampai bekerja. Saya juga dalam tahun-tahun terakhir saya juga mengajar matapelajaran sejarah dalam kursus apa kepakaran dalam ketukangan saya sendiri iaitu juruteknik pertahanan udara. Jadi, saya dijadikan bahan rujukan lah sebab saya memang minat sejarah tapi berbanding Encik Rizal, Encik Rizal dia pengkhususan sejarah dia dia lebih suka dalam bidang *field* [tapak] apa itu atau kita kata tapak sejarah. Di mana dia akan mencari mengesan menggunakan *metal detector* [pengesan logam] lepastu dia gali -- cari gali jumpa bahan. Berbanding saya saya lebih kepada dokumen saya dapatkan dokumen sama ada saya beli atau saya dapat secara percuma melalui seperti dokumen yang saya dapat seperti buku ataupun cetakan digital.

NII: Adakah pengetahuan sejarah Encik Syafie melalui pengalaman sendiri ataupun informasi daripada sumber-sumber tertentu?

MSA: Sumber sejarah yang saya perolehi kebanyakan daripada pembacaan dan perolehan dokumen sama ada berbentuk *hardcopy* [salinan cetak] atau *softcopy* [salinan lembut]. Sumber sumber yang saya rujuk selalunya melalui dua dua itu lah seperti yang saya berikan ini.

NII: Seterusnya mengenai sejarah kedatangan Jepun di Segamat. Bilakah tarikh mereka datang ke Segamat ini?

MSA: Tarikh tepat macam mana ya okey kedatangan Jepun di Segamat ini ada dua jenis satu kedatangan waktu aman dengan datang pada waktu peperangan. Datang waktu aman adalah pada tempoh 1900-1941. Di mana orang Jepun datang ini sebagai pelombong, pedagang, apa ahli perniagaan semua, tauke kedai basikal semua, tukang gunting rambut, nelayan, *cameraman* [jurukamera], dan perkhidmatan apa seperti pelacur. Yang paling terkenal adalah sebagai *cameraman* [jurukamera]. Di mana yang saya tahu dekat Segamat ada dua jurukamera Jepun iaitu di bandar Segamat satu lagi di pekan Batu Anam [Segamat, Johor]. Nama nya pun saya pun dah lupa tapi daripada maklumat orang-orang lama *cameraman* [jurukamera] Jepun ini memang kerap dilihat berbasikal jauh ambil gambar masuk masuk jalan kampung, kampung mana celah ceruk kampung mesti dia ada. Tapi masa itu dia mereka ini tidak dicurigai. Tapi malah *cameraman* [jurukamera] Jepun ini juga mengambil gambar-gambar rasmi pejabat kerajaan, tentera malah polis semua lah benda yang perkara rasmi yang mereka buat. Makna mereka juga berkhidmat dengan kerajaan. Sewaktu peperangan tempoh 1941-1945 tentera kedatangan Jepun secara tepatnya mereka mula memasuki sempadan negeri Johor iaitu Segamat iaitu melalui Gemas Baru dan Jementah pada 17 Januari. Itu yang kita dapat melalui apa fakta sejarah lah mereka melintas kedua dua sempadan itu untuk mara ke Segamat setelah pertempuran hebat berlaku di Jambatan Sungai Gemenceh daripada Sungai Kelamah dan Pertempuran Gemas. Pertempuran dekat Gemas itu kedua-duanya kira amat hebatlah. Sehingga mereka datang ke Jambatan Putus...

Buluh Kasap pada petang 17 Januari 1942 dua lebih kurang dalam jam 5 petang begitu.

NII: Berapakah jumlah tentera Jepun yang memasuki Segamat pada peringkat awal?

MSA: Jumlah tentera Jepun yang masuk Segamat eh masuk Segamat saya tidak pasti. Dalam pertempuran Muar *Battle of Muar* [Pertempuran Muar] keseluruhan kekuatan tentera Jepun seramai lapan ribu orang. Maksudnya pertempuran Muar itu daripada Bandar Muar sampai ke Gemas. Kekuatan mereka seramai lapan ribu orang. Tapi yang melintas di Gemas dikatakan terdapat tiga rejimen infantri, satu rejimen artileri dan satu rejimen *tank* [kereta kebal]. Jadi kita anggarkan jumlah mereka yang masuk Segamat adalah lebih kurang dalam empat ribu orang begitu.

NII: Bagaimanakah cara mereka datang ke Segamat?

MSA: Tentera Jepun datang ke Segamat melalui jalan darat iaitu mara melalui jalan raya iaitu Jalan Seremban-Segamat iaitu antara satu rangkaian jalan raya Persekutuan nombor satu yang merintang dari Bukit Kayu Hitam [Kubang Pasu, Kedah] ke Johor Bahru [JB] dan mereka juga melalui jalan keretapi. Selain daripada itu, mereka juga masuk melalui menyusup masuk melalui ladang ladang getah yang mereka telah carta mereka telah peta kan dalam peta mereka di mana ye lah apa perisik perisik mereka semua telah mencatatkan kedudukan dan laluan yang ada jadi itulah laluan dia, laluan darat dan tidak ada laluan air melainkan pertempuran di bandar Muar tentera Jepun datang daripada dua hala iaitu datang daripada laut dan datang daripada arah Melaka iaitu jalan darat.

NII: Apakah faktor yang menyebabkan mereka datang ke Segamat?

MSA: Faktor yang menyebabkan datang ke Segamat ialah Segamat adalah berada di tengah-tengah laluan kemaraan mereka ke Singapura. Jadi Segamat ini, Gemas atau yang saya sebut itu semua adalah medan pertempuran.

NII: Adakah Encik Syafie mengetahui siapakah yang menganggotai tentera Jepun semasa kemaraan mereka ke Singapura?

MSA: Kemaraan tentera Jepun ke Singapura dipimpin oleh Leftenan Jeneral Yamashita. Itu adalah bila ke Singapura, kalau di Segamat ini kemasukan mereka dipimpin oleh Kolonel Mukaidir yang memimpin regimen kereta kebal selepas dia mengambil alih daripada kepimpinan apa divisyen kelima tentera darat Jepun yang begitu keletihan, jadi kereta kebal ini jalan dahulu.

NII: Mengenai suasana semasa kemasukan Jepun di Segamat. Apakah reaksi penduduk tempatan semasa ketibaan pihak Jepun?

MSA: Sebelum Jepun datang Segamat, ataupun Jepun sudah sampai Kota Bahru [Kelantan], masyarakat tempatan ini sebenarnya sudah disebar dengan propaganda awal lah apa barang murah, apa semua Jepun lah pastu Asia bersama Asia semua propaganda lah Asia bersama Timur Raya semuanya. Bila berlaku perang di Segamat itu ini baru mereka terasa susah selepas itu bila perang dah selesai apa baru mereka nampak apa itu lagi susah hidup mereka itu sebab sekatan antarabangsa telah dikenakan kepada Jepun. Jadi tiada bahan mentah seperti bahan makanan pun tiada jadi Jepun pun terdesak mereka pun bersifat kejam lah terhadap masyarakat tempatan sebab apa itu masyarakat tempatan mula dah mula nak macam nak memberontak terhadap mereka jadi Jepun mula menjadi kejam lah terutamanya kepada kaum Cina. Kaum Cina memang Jepun anti sangat dan Jepun memang tahu kaum Cina memang anti-Jepun disebabkan sentimen kaum Cina ini peperangan Sino-Jepun kedua yang telah berlaku sejak 1933 lagi jadi, masyarakat Cina di Tanah Melayu ini mereka tidak berasa bahang...

yang sebenar benar bahang perang Cina-Jepun tapi bila masuk tahun Disember 1941 barulah mereka terasa dan mereka memang betul betul anti lah. Dan sebelum itu pun mereka sudah hantar orang Cina ini sukarelawan Cina mereka membantu kerajaan Republik China pada masa itu iaitu sebagai sukarelawan Republik China di utara Burma di mana mereka membantu membawa bekalan daripada India ke China iaitu setepatnya wilayah China itu adalah wilayah Kunming [China].

NII: Adakah penduduk setempat menerima dengan baik ketibaan mereka?

MSA: Pada awalnya, penduduk setempat menerima kedatangan Jepun dengan perasan bercampur baur ada, yang tak percaya ada, yang ada yang menyokong ada, yang tidak ada pro dan kontra begitulah, tetapi bila dah mula tahun hujung 1942 itu bila dah terasa susahnyanya hidup mulalah masyarakat mula memberontaklah terhadap bukan apa mulalah tidak percaya pada Jepun. Mana tidaknya ekonomi pun *drop* [jatuh]. Ada duit pun tidak boleh pakai jadi, apa tapi mereka takut dengan Jepun jadi mereka akur sajalah dan berharap agar Inggeris kembali dengan cepat itu sahaja.

NII: Adakah mereka turut menyasarkan untuk menyerang penduduk pada ketika itu?

MSA: Penduduk, setakat di Segamat ini saya tidak pernah dengar lagi, kalau di tempat lain seperti di Bahau [Jempol, Negeri Sembilan] adalah. Tapi di Segamat saya tidak pernah dengar cuma peperangan sahaja yang berlaku.

NII: Seterusnya ialah corak pemerintahan Jepun di Segamat. Bagaimanakah pihak Jepun melayan penduduk tempatan di Segamat?

MSA: Corak pemerintahan Jepun amnya di Johor dan khususnya di Segamat, Jepun memerintah jajahan dia di Johor -- lah amnya melalui konsep pemerintahan ketenteraan di mana pemerintah mereka adalah Jeneral tentera Jepun dan...

mereka membahagikan wilayah-wilayah apa kawasan daerah itu di bawah sebagai sektor-sektor pemerintahan melalui pemerintahan apa penempatan tentera Jepun yang ada. Jadi cara Jepun melayan penduduk tempatan di Segamat untuk mendapat kepercayaan penduduk Segamat, Jepun masih mengekalkan telah mencorakkan pemerintahan mereka bercorak ketenteraan di mana mereka mempunyai pengurusan yang ditadbir oleh pentadbir yang digelar Chokan atau Govenor. Di bawah Governor ini terdapat tiga pentadbir iaitu Ketua Am *Sibuco*, Ketua Jabatan Industri *Sangiobuco* dan Pesuruhjaya Polis iaitu *Keyimobuco*. Walaupun begitu, negeri Johor pada asalnya memang mempunyai jabatan-jabatan kerajaan yang sedia ada dan masih dikekalkan lagi cuma pentadbiran atasan adalah orang Jepun. Jadi ketua-ketua jabatan yang rendah ini sama ada dikekalkan orang Melayu ataupun dia letakkan orang Jepun yang mengurus selia jabatan-jabatan kerajaan ini supaya mengikut kaedah sistem pemerintahan Jepun kaedah ketenteraan Jepun ini. Walaupun begitu, sistem kaedah pemerintahan mereka ini tidak sama dengan dekat negara mereka lah sebab negara mereka pemerintahan masih awam lagi. Tetapi dekat jajahan dia sahaja berbeza. Jadi Jepun melayan penduduk tempatan macam mana ya nak kata melayan penduduk tempatan pun begitu keras juga lah. Malah, kalau salah sikit memang dia tiada dia bagi terus, tetapi kalau selalu nya orang tempatan takut lah. Tiada ampun kalau kata curi pisang sekali pun dah kena pukul Jepun sampai lembik silap silap hari bulan boleh mati, itulah.

NII: Seterusnya ialah kekejaman tentera Jepun. Bagaimana keadaan semasa sepanjang keberadaan tentera Jepun di Segamat keadaan penduduk?

MSA: Keadaan suasana penduduk sepanjang penguasaan Jepun kot, okey apa dia ada dua pada awal perang (menggelengkan kepala) ada tiga kot pada awal perang, pertengahan perang dengan penghujung perang. Jadi pada awal perang memang penduduk ketakutan lah sebab berlaku peperangan lah, jadi mereka masing-masing takut mati kerana perang. Pada waktu itu, Jepun tidaklah mengusik dia tidaklah mengusik penduduk jadi mereka cuma memburu askar sahaja ataupun mana-mana yang mereka syak sebagai pasukan keselamatan. Jadi, nampak baju macam pasukan keselamatan mereka bunuh. Itu yang jadi berlaku seperti...

berlaku di Gemas di mana buruh keretapi mereka bunuh sebab mereka sangkakan adalah tentera British-India sebab kerana baju mereka berwarna khaki seakan-akan baju *uniform* [seragam] tentera Berikat pada waktu itu. Pada pertengahan perang, jadi lain pula. Jadi masa itu, keadaan memang tidak berapa bukan tidak aman tapi tidak tenang lah sebab masing-masing takut kan. Jadi nak bercakap bukan-bukan pasal Jepun takut nanti ada orang dengar, dia punya tali barut dia pun ramai. Itu tali barut pun ramai, dan masa bila penghujung perang lain pula cerita. Mereka takut Jepun, mereka takut komunis juga. Komunis pun dah mula tunjuk taring. Bila mana kawasan-kawasan yang pada mulanya ketat, pastu mula Jepun longgar makna Komunis pun masuk buat-buat cari pasal dengan penduduk tempatan tidak kira Melayu, Cina. Jadi kira sebenarnya sepanjang perang itu, keadaan suasana penduduk tidak berapa senang lah tidak tenang, tidak cukup makan, ekonomi pun memang tidak cantik langsung jadi semua kira kata tidak apa tidak aman lah senang.

Nil: Kemudian, mengenai lokasi pertempuran Jepun melawan British serta melawan orang tempatan. Apakah nama pertempuran yang berlaku?

MSA: Pertempuran Jepun melawan pihak Berikat ada, tapi melawan orang tempatan memang tidak ada lah. Kalau orang tempatan itu mungkin kita masuk dalam masa awal peperangan tersebut lah. Okey, pertempuran Jepun mula masuk Segamat ini bermula adalah pertempuran di Gemas dahulu, selepas itu pada bermula 14 Januari sehingga 15 Januari apabila Jepun masuk berjaya masuk ke sempadan Johor melalui Gemas mereka datang ke pekan Buloh Kasap [Segamat, Johor] untuk melintasi Jambatan Putus. Pada masa ini, pihak-pihak Berikat sudah mula mengundurkan tentera mereka ke Selatan lagi iaitu menuju ke tempat pertemuan di dipanggil _____ *Station* [Stesen] jadi diletakkan beberapa kompeni pasukan tentera British-India, askar Melayu di sini untuk melengahkan askar Jepun yang datang mara. Jadi bila askar Jepun mara, daripada Gemas dah sampai ke *gate* [pagar] keretapi Batu Lapan mereka berpecah dua. Satu melalui jalan kereta api, satu lagi jalan raya, dan pada masa ini bila pihak British pihak Berikat nampak Jepun sudah datang, mereka meletupkan kedua dua jambatan iaitu jambatan keretapi dengan jambatan jalan raya ini. Jadi berlakulah...

pertempuran itu lah antara dua belah pihak disini iaitu pertempuran yang kira kita bagi kita tidaklah terlalu besar seperti pertempuran Gemas, berlaku letup letupan yang besar-besar. Jadi pertempuran itu pun mendatangkan kesan juga. Di mana kita boleh lihat kesan yang ada masih ada ini adalah Jambatan Putus satu lagi kesan peluru iaitu kesan tembakan yang terdapat di bangunan pekan Buloh Kasap masih wujud lagi apa kesan tersebut. Oh lupa, ada satu lagi pertempuran, iaitu pertempuran kecil iaitu berlaku di berlaku di tapak Sekolah Dato Bentara Dalam dan Kampung Sedeng [Segamat, Johor] . Situ pun ada berlaku pertempuran kecil untuk melengah sama juga dia cuma untuk melengahkan Jepun itu. Dikatakan pertempuran ini banyak menyebabkan kematian kepada pihak Berikat sendiri berbanding pihak Jepun. Sampai sekolah itu bila sekolah itu dibuka budak-budak asrama itu nampak dia kata nampak benda tak ya lah nampak bayangan-bayangan macam itulah lebih kurang begitu.

NII: Seperti yang kita ketahui, Segamat terlibat dalam pertempuran Muar, siapa lagi yang terlibat dalam pertempuran ini, pihak yang terlibat?

MSA: Terlibat dalam pertempuran ini sudah tentu pihak Jepun dengan pihak Berikat. Okey, pihak Berikat ini, dia gabung daripada berapa pasukan ya hmm (berfikir sejenak), empat pasukan iaitu tentera Inggeris iaitu *British Army* [tentera British] tentera darat British, tentera darat Australia, tentera darat British-India yang datang dari India dan *Brigade* [pasukan] Malaya iaitu pasukan tentera tempatan yang terdiri daripada regimen askar Melayu, tentera sukarelawan Negeri-Negeri Selat [NNS], sukarelawan Negeri-negeri Melayu Bersekutu [NNMB] dan tentera Timbalan Setia Negeri [JMF] iaitu tentera Johor.

NII: Rakaman sejarah lisan ini diadakan pada tarikh 17 Jun 2023 di Buloh Kasap, Segamat, Johor. Saya Nurul Izzah Insyirah Binti Johari akan menemu ramah pengkisah Encik Rizal Bin Md Misrom.

NII: Boleh Encik Rizal bagi beritahu di manakah lokasi yang terlibat semasa berlaku pertempuran Muar?

RMM: Okey, masa pertempuran *Battle of Muar* [Pertempuran Muar] ini, bermula di Sungai Kelamah -- iaitu 14 Januari 1942. Daripada situ *start* [bermula] bermulanya pertempuran di Muar yang mana disitu juga pihak Australia baru tahu yang apa ini kemaraan cepat tentera Jepun ini adalah dengan menggunakan basikal. Daripada situ lah mereka dapat tahu yang Jepun ini menggunakan basikal. Sebelum ini mereka tidak tahu sebab mereka terperanjat lah macam mana Jepun ini mara dengan cepat jadi, mereka dapat tahu yang mereka menggunakan basikal. Jadi daripada Sungai Kelamah merebak -- sampai ke 19 haribulan [19 Januari 1942] ini di sampai di Buloh Kasap [Segamat, Johor] pertempuran di Buloh Kasap. Tapi pertempuran ini tidak berapa sengit sangat lah. Kemudian 20 haribulan [20 Januari 1942] pertempuran berlaku di Bakri, Muar sana yang mana pihak Australia ini dapat memusnahkan beberapa *tank* [kereta kebal] milik tentera Jepun yang mara pada masa itu. Daripada situ lah mereka dapat namakan pertempuran *of* [di] Muar sana.

NII: Adakah ramai orang tempatan yang terkorban akibat pertempuran ini?

RMM: Saya rasa memang ada ramai, tapi ye lah mungkin pada masa itu keadaan kucar-kacir jadi mangsa-mangsa tidak dapat nak direkodkan berapa jumlah kematian nya. Tapi ada satu cerita yang di Buloh Kasap [Segamat, Johor] ini, ada seorang askar sukarela daripada Kelantan yang terbunuh masa bertempur di Buloh Kasap ini dan juga rakan-rakan mereka yang hidup ini, pergi minta tolong ataupun minta bantuan orang-orang kampung di Buloh Kasap ini supaya kebumikan askar ini lah askar *volunteer* [sukarela] ini di Buloh Kasap ini. Cuma ya lah tidak tahu mana mereka kebumikan askar ini kita tidak tahu lah, mereka pun tidak tahu jadi diam macam itu sahaja lah. Untuk data keseluruhan itu, memang tidak dapat nak dikumpul lah berapa ramai yang mati masa bertempur itu.

NII: Masa pertempuran, apakah teknologi yang digunakan oleh tentera Jepun semasa itu?

RMM: Bagi tentera Jepun mereka banyak kan guna senjata Arisaka *type [jenis]* sembilan puluh sembilan ataupun Arisaka *type [jenis]* tiga puluh lapan yang mana kebiasaannya mereka kalau bertempur ini secara berdepan kebanyakan akan menggunakan Bayonet yang dipasang di muncung senapang masing-masing. Bagi pihak artileri pula, mereka dibekalkan dengan biasalah barangan artileri itu dengan meriam lah. Kalau dengan apa ini infantri cuma dibagikan atau dibekalkan dengan senapang sahaja iaitu Arisaka *type [jenis]* sembilan puluh sembilan.

NII: Apakah jenis kenderaan yang digunakan semasa pertempuran itu?

RMM: Bagi pihak Jepun, mereka menggunakan jenis Ha-Go sembilan puluh lima dan juga *type [jenis]* sembilan puluh tujuh jadi mereka ini bukan *tank* [kereta kebal] yang berat mereka cuma gunakan *light tank* [kereta kebal ringan] sahaja. Jadi pada masa itu, untuk satu unit kereta kebal ini ataupun kereta kebal ringan ini, menggunakan tiga orang *crew* [ahli] untuk mengendalikannya.

NII: Apakah peranan yang anggota yang dalam kereta kebal tersebut?

RMM: Untuk *tank* [kereta kebal] Jepun ini, dia ada tiga orang yang mengendalikan. Pertama itu *driver* [pemandu] lah *driver* [pemandu] itu sendiri. Kemudian yang kedua ini *gunner* [penembak]. *Gunner* [penembak] ini dia tugas dia untuk menebak sahaja lah mana yang diarahkan. Yang ketiga adalah komander iaitu ketua daripada untuk *tank* [kereta kebal] tersebut. Jadi *tank* [kereta kebal] ketua *tank* [kereta kebal] ini iaitu komander akan memberi arahan kepada *gunner* [penembak] untuk tembak mana arah tembakan yang perlu diarahkan.

NII: Seterusnya ialah kisah Jambatan Putus. Encik Rizal tahu tidak apakah tujuan asal pembinaan jambatan ini di Segamat?

RMM: Okey, tujuan asal dia biasa untuk bagi rakyat negeri Johor lah kebiasannya umumnya. Bagi tujuan untuk menghantar bekalan bahan-bahan mentah ke itu tujuan asal dia lah. Yang di mana dia nya dibina oleh pihak British pada masa itu. Jadi pada masa perang pula, kalau tidak silap saya jambatan ini mula dibina pada tahun 1926. Sebab daripada apa yang tertera pada kaki jambatan tersebut ada tarikh tahun ianya mula dibuat. Jadi, pada tahun 1942, ianya telah pun diletupkan pada 20 Januari 1942 telah diletupkan oleh pihak British bagi tujuan untuk melambatkan pergerakan tentera Jepun mara ke Selatan tanah air.

NII: Apakah cara yang digunakan untuk meletupkan jambatan ini?

RMM: Pihak British telah pun meletakkan sejumlah *dynamite* [dinamit] yang berkuatan letupan tinggi pada setiap kaki jambatan sungai Buloh Kasap [Segamat, Johor] ini lah. Dan juga jambatan keretapi Buloh Kasap, sama juga. Mereka gunakan teknik yang sama untuk letupkan dengan meletakkan bahan letupan di bahagian tapak jambatan kaki jambatan itu.

NII: Seterusnya keadaan ekonomi masyarakat pada zaman Jepun. Bagaimanakah keadaan ekonomi masyarakat semasa kedatangan Jepun?

RMM: Masa pemerintahan Jepun ini, dikhabarkan penduduk susah lah, susah nak hidup. Sebab kalau nak buat berniaga mata wang pun mata wang daun pisang kan tak berapa nak laku sangat. Jadi, nak berniaga pun kalau bawa barang yang segar-segar Jepun pula ambil, rampas. Jadi penduduk memang tertekan memang ekonomi sangat-sangat teruk pada masa itu. Jadi nak harapkan itulah orang orang kampung pun cakap makan ubi sahaja makan ubi. Pendapatan memang kata orang kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Memang tiada sumber pendapatan yang betul-betul boleh meyakinkan pada masa pemerintahan itu.

NII: Apakah jenis aktiviti ekonomi masyarakat setempat seperti yang duduk dalam kawasan perkampungan semasa pendudukan Jepun?

RMM: Aktiviti-aktiviti macam pertanian, berkebun itu bagi mereka yang duduk dalam kawasan pendalaman lah. Jadi yang duduk kawasan pendalaman ini boleh lah sikit untuk *survive* [bertahan] kan daripada yang berada di kat belah bandar ini. Sebab kalau ikutkan kalau nak macam kata ada sawah padi pun, kalau sawah padi kalau ada beras, yang mana mungkin akan diberikan cukai kepada pihak Jepun askar Jepun, jadi penduduk ini ya lah terpaksa hidup lah juga walaupun terpaksa memberi terpaksa juga kan untuk hidup teruskan hidup. Jadi mereka tiada pilhan lah.

NII: Jadi mereka bebas untuk bercucuk tanam?

RMM: Bagi mereka yang bercucuk tanam ini, pihak Jepun juga ada bagi inisiatif dan juga tunjuk ajar bagi pihak apa orang orang Melayu yang hendak bercucuk tanam. Tapi mereka ini biasalah kadang kadang mesti ada cukai yang perlu mereka keluarkan untuk melakukan cucuk tanam ini. Tapi ada juga pemantauan daripada pihak pihak askar Jepun ini.

NII: Jadi Jepun ada terapkan nilai-nilai ketimuran dalam kehidupan masyarakat pada zaman itu?

RMM: Ha (bersetuju) memang ada, memang ada. Seperti yang kita tahu sekolah sekolah pada masa itu mereka diarahkan untuk mengajar dan juga belajar dalam bahasa Jepun dan waktu, waktu juga mereka diarahkan untuk mengikut waktu yang sama dengan masa tanah besar Jepun sana .Jadi itulah apa aspek yang mereka perlu ikut bagi rakyat tempatan negara apa rakyat tempatan untuk mengikut apa yang disuruh oleh askar askar Jepun inilah. Ikut *style* [gaya] Jepun lah senang cakap kan.

NII: Keadaan sosial masyarakat di zaman Jepun. Bagaimanakah penduduk berkomunikasi antara satu sama lain?

RMM: Pada masa pemerintahan Jepun ini, komunikasi memang terhad lah yang seperti yang kita tahu sebab semua rakyat tidak dibenarkan untuk mendengar radio. Sekiranya mereka mendengar radio, mereka akan ditawan ataupun didakwa. Jadi mereka perlu untuk sekiranya mereka untuk apa nak tahu perkembangan-perkembangan dari luar mereka hanya diberikan surat khabar ataupun hebahan daripada tentera-tentera Jepun itu sendiri. Jadi, komunikasi antara satu sama lain itu adalah amat terhad. Sekiranya Jepun tahu sekiranya ada mereka ini membuat komunikasi daripada pihak luar dengan tanpa izin pihak Jepun mereka ini akan dihukum oleh pihak Jepun.

NII: Apakah jenis hukuman yang diberikan oleh pihak Jepun jika mereka tertangkap menggunakan radio semasa pendudukan Jepun tersebut?

RMM: Okey, semasa pemerintahan Jepun, alat komunikasi seperti radio sama sekali tidak dibenarkan untuk rakyat tempatan. Jadi sekiranya penduduk-penduduk ini ingkar dan telah didapati telah dapat tangkap menggunakan radio, mereka ini akan dihukum. Kebiasaannya hukuman yang paling apa paling yang popular potong kepala lah. Ini yang biasa mereka akan dapat sekiranya melanggar perintah mendengar radio.

NII: Adakah berlakunya konflik perkauman di antara kaum Cina dan Melayu semasa pendudukan Jepun di Segamat?

RMM: Pada masa itu, kebanyakan nya mereka ini lebih bersatu daripada berpecah. Mereka sanggup bersatu sebabkan untuk menghapuskan ataupun melumpuhkan pemerintahan yang zalim daripada pihak Jepun ini.

NII: Seterusnya semasa Jepun meninggalkan Segamat. Bilakah tarikh ketika mereka meninggalkan Segamat?

RMM: Pada selepas 15 Ogos 1945 selepas Jepun menyerah kalah selepas apa negara mereka dibom oleh bom atom di Hiroshima [Jepun] dan juga Nagasaki [Jepun], jadi pihak askar askar Jepun ini menyerah diri kepada pihak tentera British dan mereka berundur secara beransur-ansur lah.

NII: Adakah terdapat kesan peperangan yang ditinggalkan yang boleh dilihat pada masa kini?

RMM: Contoh kesan pertempuran itu masih lagi ada dapat lihat. Contohnya macam jambatan itu sendiri lah kan sudah diletupkan. Jadi sampai sekarang itu ada lagi itu adalah itu jadilah yang menjadikan jambatan itu mercu tanda untuk Buloh Kasap [Segamat, Johor]. Kemudian pada bangunan-bangunan yang berada di sekitar Buloh Kasap ini terutama yang berada di tepi tebing sungai ini, masih lagi boleh dapat dilihat kesan-kesan tembakan pada dinding-dinding bangunan tersebut yang mana berada di kawasan tepi sungai ini lah. Masih lagi dapat dilihat kesan tembakan. Dan juga di bahagian Selatan jambatan ini, terdapat *anti-tank block* [blok anti-kereta kebal] iaitu batu silinder yang digunakan untuk oleh tentera British untuk menyekat pergerakan kereta kebal Jepun ini. Batu-batu ini diletak di tengah-tengah jambatan dan juga akan disusun secara menegak. Ianya bertujuan untuk menghalang pergerakan kereta kebal Jepun ini. Benda itu, *anti-tank block* [blok anti-kereta kebal] ini masih ada lagi masih ada lagi tersimpan di bawah jambatan ini sampai sekarang. Dan juga ada dua tiga butir lagi berada di atas jambatan ini, masih ada lagi. Jadi kalau boleh benda ini perlulah disimpan untuk dibuat sebagai penyelidikan generasi yang akan datang.

NII: Apakah kegunaan kesan-kesan peperangan itu pada masa kini?

RMM: Contohnya macam untuk bangunan itu yang bangunan yang ada kesan kesan tembakan itu, masih ada didiami oleh waris waris mereka lah. Sampai...

sekarang masih ada lagi kesan tembakan itu masih lagi ada juga didiami oleh penghuni, rumah kedai itu masih ada lagi. Untuk *anti-tank block* [blok anti-kereta kebal] itu pula *anti-tank block* [blok anti-kereta kebal] itu masih ada lagi sampai sekarang ini. Cumanya kalau boleh pihak berwajib dapat selamatkan benda khazanah ini untuk dipamerkan di kawasan tersebut lah untuk dijadikan tatapan generasi akan datang ini.

NII: Adakah pihak berwajib menjaga mercu tanda tersebut?

RMM: Buat masa sekarang ini, apa yang saya lihat mereka ada buat lah buat apa yang mereka perlu buat iaitu mereka menjaga seperti mengecat untuk mengekalkan keindahan jambatan ini. Mereka ada jaga lah bagi tapak asalnya masih ada lagi. Cumanya kalau boleh ya lah diteruskan sampai bila bila lah supaya benda ini tidak dibiarkan macam itu sahaja.

